

2,000 rumah PPR dibina di Selangor tahun ini

SHAH ALAM - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan membina 2,000 unit kediaman di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) di empat lokasi di Selangor membabitkan kos RM400 juta tahun ini.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar (**gambar**) berkata, projek yang berkonsepkan sewa beli itu akan dilaksanakan di Kampung Sungai Yu dan Berjantai Bestari di Kuala Selangor; Bukit Subang, Shah Alam dan Dengkil.

Menurut beliau, KPKT akan membina rumah pangsapuri dengan masing-masing 500 unit di Bukit Subang dan Dengkil

manakala rumah teres di Kampung Sungai Yu.

"Bagaimanapun, di Berjantai Bestari lokasinya masih dalam peringkat perbincangan sama ada untuk membina pangsapuri atau rumah teres dan kita akan putus-kan dalam masa terdekat.

"Melalui konsep sewa beli ini, kerajaan secara tidak langsung membantu golongan kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri," katanya

yang juga Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor selepas menyampaikan Amanat Tahun 2018 kepada kira-kira 500 penjawat awam di negeri ini di sini semalam.

